



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN

NO. SEBUT HARGA : PL(S) 5/2023(JPK)
TARIKH : 12 JANUARI 2023

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Lokasi & Tarikh Penjualan / Harga Dokumen	Taklimat / Lawatan Tapak (Wajib)	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran
PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN JURUTERA ELEKTRIK KOMPETEN KE ATAS PEPASANGAN ELEKTRIK DI SUB- STESYEN PERBADANAN LABUAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN UNTUK TEMPOH 24 BULAN	<p>Berdaftar dengan</p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia/ Perbendaharaan Malaysia Sabah</p> <p>Kod Bidang :</p> <p>220503 (Perkhidmatan Perkakasan / Sistem Elektrik)</p> <p>Dan berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga sebagai Kontraktor Perkhidmatan Elektrik mengikut Voltan Pengendalian di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Akta 447.</p>	<p>Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan</p> <p>16.1.2023 sehingga 30.1.2023 (semasa waktu pejabat)</p> <p>RM 15.00 (tidak dikembalikan)</p>	<p>16.1.2023 (9.00 pagi)</p> <p>Pendaftaran di Jabatan Pembangunan dan Kejuruteraan, Tingkat 6, Menara Perbadanan Labuan</p>	<p>31.1.2023 (8.00 pagi - 12.00 tengah hari)</p> <p>Peti Sebut Harga No. 1</p> <p>Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan</p>

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran **ASAL** yang masih sah tempohnya **BERSERTA SATU SALINAN** dari **Kementerian Kewangan Malaysia / Perbendaharaan Malaysia Sabah** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. **Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.**

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga (sekiranya diwajibkan). Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil asal dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.